

# MDKL tandatangani, lafaz IBR

Mahu perkasa integriti, bukti PBT berkenaan serius banteras rasuah dan penyelewengan

**BANTING** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menandatangani dan melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di Kompleks Sukan MDKL, di sini.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, langkah itu adalah komitmen pihaknya yang serius dalam membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan seterusnya memperkasa integriti.

Beliau turut menegaskan bahawa tidak akan berkompromi jika ada warga kerjanya yang terpalit dengan sebarang unsur rasuah yang boleh menjejaskan reputasi kerja.

"Atas kesedaran menjadikan integriti sebagai amalan seharian, kami percaya dan yakin ketelusan adalah elemen yang dapat mewujudkan persekitaran kerja kondusif dan satu pembudayaan nilai yang baik dalam MDKL," katanya.

Menurutnya, bermula Januari



Mohamad Zain (kiri) bersalaman dengan Wan Ramli selepas Majlis Menandatangani IBR bersama SPRM di Kompleks Sukan MDKL.

2015, MDKL telah menubuhkan sebuah Unit Integriti yang berperanan memastikan urus tadbir MDKL dilaksanakan secara efektif dan memastikan pelaksanaan nilai-nilai integriti MDKL selaras dengan Pelan Integriti Nasional.

"Saya menyeru seluruh warga MDKL agar jaga etika, pelihara integriti dan sentiasa berusaha ke arah yang lebih baik dan melangkaui kebiasaan serta mendahulukan tugas yang diamanahkan berbanding perkara yang tidak berfaedah dan ber-

kepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah SPRM

NegeriSelangor, Dato Wan Ramli Wan Abdullah dan Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM NegeriSelangor, Amir Hamzah Idris.

Sementara itu, Wan Ramli berkata, SPRM telah menetapkan sasaran untuk memastikan dalam tempoh tiga tahun sektor-sektor kritikal negara seperti perkhidmatan awam khususnya agensi-agensi penguatkuasaan, badan-badan pengawal dan pihak berkuasa tempatan serta negeri, syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (GLC), sektor swasta, institusi kewangan dan perbankan bersih dan bebas amalan rasuah.

